

13 MAY 2000

Umno-Terengganu (Fokus)

PEMILIHAN: UMNO TERENGGANU RASA TERPINGGIR

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Secara keseluruhannya pemilihan bagi jawatan tertinggi Umno pada perhimpunan agung ke-54 telah memperlihatkan kesungguhan anggota-anggotanya untuk membentuk satu barisan kepimpinan bagi memulihkan kekuatan parti itu.

Bagaimanapun, ada segelintir daripada mereka yang merasakan kedudukan Umno akan menjadi lebih mantap jika pengagihan kerusi MT dan exco pergerakan Wanita serta Pemuda dilihat lebih menyeluruh, tidak dibolot oleh sebuah dua negeri sahaja.

Veteran Umno Terengganu Zukifli Mohamad berkata, beliau kecewa dengan keputusan itu yang memperlihatkan seolah-olah perwakilan sengaja meminggirkan Terengganu.

"Terengganu hanya ada seorang anggota MT iaitu Datuk Dr Yusof Noor, tetapi langsung tidak mempunyai wakil menduduki kerusi exco pergerakan pemuda dan wanita," kata Zulkifli dari Bahagian Kuala Terengganu.

Selain Yusof, Terengganu mengemukakan dua lagi calon untuk MT iaitu Haji Awang Jabar dan Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor. Ia juga mengemukakan tiga calon untuk kerusi Exco Pemuda dan dua calon untuk kerusi Exco wanita.

Menurutnya, walaupun ia mungkin berpunca daripada ketiadaan satu pendirian bersama di kalangan perwakilan dari Terengganu menjelang perhimpunan itu, perwakilan keseluruhannya patut mengambil kira kepentingan negeri itu daripada segi politik jangka panjang Umno, setelah pemerintahnya jatuh ke tangan PAS pada pilihan raya umum yang lalu.

Katanya tanpa saluran yang boleh menghubungkan pendukung Umno di peringkat akar umbi dengan Umno pusat secara terus, usaha untuk merampas balik negeri itu daripada PAS mungkin menghadapi kesukaran dalam jangka masa terdekat ini.

"Kita harus ingat bahawa PAS kini mengawal hasil negeri yang berjumlah lebih RM600 juta setahun, terutama daripada sumber petroleum. Jika Umno Terengganu dipencilkan oleh Umno dari negeri-negeri lain, tidak mustahil kekuatan ekonomi yang baru diperolehi PAS itu akan dipergunakan untuk memperluaskan lagi pengaruhnya ke negeri-negeri lain," katanya.

Anggota jawatankuasa Pemuda Umno negeri, Wan Hisham Salleh berharap Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz turut mengambil kira faktor politik semasa Terengganu ketika melantik exco tambahan dan anggota pelbagai biro atau jawatankuasa pergerakan masing-masing kelak.

Beliau juga berharap presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengambil kira faktor yang sama dalam pelantikan anggota MT tambahan kerana Umno Terengganu memerlukan kekuatan yang lebih dan jentera penggerak tambahan dalam menghadapi PAS.

Seorang ketua bahagian Umno di negeri itu yang tidak mahu namanya disiarkan berkata, trend pemilihan exco pergerakan pemuda, wanita dan anggota MT pada perhimpunan itu masih memberi ruang kepada pelbagai spekulasi termasuk kononnya politik wang masih berleluasa di kalangan sesetengah calon.

"Lihat sahaja keputusan pemilihan exco pemuda. Tidak ada seorangpun calon dari Terengganu terpilih walaupun Umno Terengganu terpaksa berhadapan dengan rakyat yang lebih 90 peratus orang Melayu.

"Sebaliknya, perwakilan telah memilih dua orang calon dari Umno perhubungan di sebuah negeri yang rakyat Melayunya hanya kira-kira 50 peratus. Keputusan itu tentunya membuka ruang untuk spekulasi kononnya politik wang masih diamalkan," katanya.

-- BERNAMA

AM MAI